

## MAKNA DAN MATLAMAT AGAMA DALAM ISLAM MENURUT SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

### *The Meaning and Aim of Religion in Islam According to Syed Muhammad Naquib al-Attas*

Mohd Farid Mohd Shahran\*

#### ABSTRACT

*Religion, despite being an important subject that is sought after by many these days, could sometimes, due to confusion and ignorance, be the cause of conflict and disunity. The diverse attempts at explaining religions that are at times conflicting with one another would only cause more confusion among Muslims in understanding the true religion of Islam. Such confusion only deepens when some explanations are given based on a framework that is foreign to the worldview of Islam. This article discusses the exposition of the meaning of religion and its basic principles by Syed Muhammad Naquib al-Attas in his major works. Using semantic analysis, al-Attas connects many important Quranic concepts to a harmonious understanding of religion.*

**Keywords:** Religion; Secular; Worldview; God; Covenant.

---

\* Principal Fellow (Director), Centre for the Study of Shariah, Law and Politics (SYARAK), Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM). 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. farid@ikim.gov.my.

## PENDAHULUAN

Agama, di samping menjadi mauduk penting yang begitu diminati dan dicari dewasa ini, juga kadangkala, disebabkan kekeliruan, menjadi punca perbalahan dan perpecahan. Pelbagai huraian tentang agama yang bercanggahan dan kadangkala bertentangan antara satu dengan yang lain hanya menyebabkan masyarakat Islam semakin jauh daripada kefahaman agama yang sebenar. Kekeliruan masyarakat juga bertambah mendalam apabila sebilangan yang terpengaruh dengan kerangka pandangan alam yang asing telah menyebarkan faham-faham yang mengelirukan tentang agama. Akhirnya, masyarakat Islam, walaupun mempunyai jumlah yang besar, hampa dari segi isinya jauh sekali mempunyai kekuatan sebagai sebuah tamadun dan peradaban.

Berasaskan persoalan di atas, huraian mengenai faham agama yang sebenar akan lebih berkesan sekiranya ia memenuhi sekurang-kurangnya dua syarat; pertamanya ia harus dipersembahkan dalam bentuk yang harmoni dan tertib terutama dengan menjelaskan dengan teliti kaitan antara satu faham dengan faham yang lain. Yang kedua, persoalan agama harus diperjelaskan berlatarbelakangkan permasalahan sebenar dan cabaran utama yang melingkungi masyarakat Islam sama ada cabaran tersebut datang dari dalam atau dari luar. Dengan adanya kedua-dua ciri ini, kita dapat mengelakkan penjelasan agama yang bersifat retorik, *stereotype*, simplistik dan terpisah daripada permasalahan dan isu yang sebenar.

Begitu ramai ilmuwan atau penulis yang membahaskan mengenai agama dewasa ini tetapi gagal untuk mengaitkan perbincangan mereka dengan persoalan sebenar dan penting dalam masyarakat. Akibatnya masyarakat Islam tidak dapat memahami persoalan sebenar yang sedang menjadi cabaran kepada agama yang mereka sedang anuti dan mudah terkeliru apabila dihujani dengan aliran pemikiran dan ideologi asing yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar.

## AL-ATTAS DAN PENJELASAN MENGENAI AGAMA

Contoh terbaik penjelasan agama yang harmoni dan mengambil kira permasalahan dan cabaran sebenar dalam masyarakat dapat dilihat dalam huraian Syed Muhammad Naquib al-Attas mengenai agama dalam beberapa karyanya seperti *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak* dan *Islam and Secularism*. Selain daripada huraian makna agama berdasarkan kaedah bahasa dan semantik yang tertib, al-Attas juga mempersempahkan makna-makna tersebut di dalam satu rangka tradisi pemikiran yang telah sedia terbina kukuh dalam sejarah keilmuan Islam sejak berzaman.

Keharmonian huraian beliau juga jelas apabila al-Attas mengaitkan makna agama dengan faham-faham asasi yang lain dalam kerangka pandangan alam Islam seperti faham ilmu, insan, keadilan dan kesaksamaan, akhlak, persaudaraan, kebahagiaan, pembangunan dan lain-lain. Keseluruhan huraian beliau kelihatan seperti satu *cosmos* yang seimbang dan penuh ketertiban tanpa ada pertentangan antara satu unsur dengan unsur yang lain. Penjelasan sebegini amat diperlukan oleh masyarakat Islam sekarang terutama dalam keadaan mereka dikelirukan dengan pelbagai huraian tentang agama yang saling bertentangan sehingga menyebabkan seluruh makna agama menjadi keliru dan akhirnya menjadi fitnah kepada agama Islam itu sendiri.

Al-Attas juga menghuraikan makna agama berlatarbelakangkan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam terutama yang datang dari tamadun Barat moden yang mendakayakan kefahaman agama yang keliru dan sekular. Akibat daripada kemelut pertentangan antara Gereja dan ahli-ahli falsafah dan sains, penyelewengan dalam kalangan penguasa agama diikuti dengan tindak balas keras daripada kelompok sekular di Barat, agama akhirnya disingkirkan daripada kehidupan dunia dan dianggap sebagai sekadar kepercayaan yang serba nisbi.

Agama di Barat, jelas al-Attas, hanyalah dianggap sama ada sebagai ‘sehimpunan kepercayaan-kepercayaan tahuul termasuk cara-cara melangsungkan ibadat atau penghambaan diri’ atau ‘sehimpunan pendapat-pendapat dan undang-undang yang disusun dan direka oleh para bijaksana dan *failasūf* bagi keperluan kesejahteraan dan

ketenteraman khalayak ramai masyarakat insan.<sup>1</sup> Anggapan pertama merujuk kepada sudut pandangan yang sempit, ritualistik dan penolakan terus terhadap keupayaan akal sementara yang anggapan kedua mengandaikan agama hanya sekadar nilai-nilai falsafah yang boleh dibina oleh kekuatan akliah semata-mata dan terlepas daripada panduan wahyu yang mutlak.

## AGAMA KRISTIAN, SEKULARISASI DAN TAMADUN BARAT

Antara latarbelakang sejarah yang penting diketengahkan al-Attas dalam memahami makna agama termasuklah nasib yang menimpa agama Kristian dalam hubungannya dengan tamadun Barat. Agama Kristian yang menjadi teras kepada tamadun Barat telah mengalami satu krisis yang amat parah apabila diserang oleh penyakit sekularisasi yang amat bahaya.<sup>2</sup> Atas nama perubahan, pembangunan dan pembebasan, gerakan sekularisasi telah berjaya melemahkan wibawa institusi gereja sehingga menyebabkan ia pasrah dengan tekanan terhadap perubahan oleh golongan sekular. Akibatnya pentafsiran agama banyak dipengaruhi oleh pendekatan falsafah yang sentiasa berubah berdasarkan kecenderungan pentafsir yang melakukan tafsiran.

Dengan lumpuhnya institusi gereja yang menjadi lambang kekuatan agama Kristian sejak berkurun lamanya, tamadun Barat mengakhiri zaman teologinya yang ‘gelap’ dan berpindah ke zaman sains yang serba ‘cerah’. Jasad agama Kristian mungkin tidak hilang dalam sejarah akan tetapi ia telah diresapi oleh ruh sekularisasi yang telah merubah intipati dan tingkahlakunya. Akhirnya, agama Kristian telah bertukar menjadi sekadar agama kebudayaan yang ditentukan bentuk dan keadaannya bukan lagi oleh kekuatan doktrinnya akan tetapi oleh keperluan sezaman penganutnya. Yang lebih memburukkan keadaan ialah apabila sebilangan dalam kalangan ahli teologi mereka sendiri telah membantu mengesahkan keperluan sekularisasi dalam

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin* (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001), 27.

<sup>2</sup> Lihat lebih lanjut huraian al-Attas mengenai makna sekular, sekularisme dan sekularisasi dan permasalahannya dalam konteks Tamadun Barat dalam Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*, (Kuala Lumpur: Ta’dir International, 2019), 15-49.

agama Kristian dan mendasarkan hujah mereka daripada dalil-dalil yang terdapat dalam Kitab Injil.<sup>3</sup> Sebagai contoh, seorang ahli teologi Protestant, Harvey Cox dalam bukunya, *The Secular City* telah menyatakan bahawa tiga dimensi penting sekularisasi iaitu *disenchantment of nature, desecralization of politics* dan *deconsecration of values* sememangnya telah ada dinyatakan dalam Bible.<sup>4</sup> Oleh yang demikian, agama Kristian seharusnya menerima sekularisasi sebagai sebahagian daripada ajarannya. Beliau mengambil *creation of the universe* dalam Bible sebagai bukti kepada dimensi pertama, *the exodus of the Hebrew* dari Mesir sebagai bukti dimensi kedua dan *Sinai Covenant* sebagai bukti kepada dimensi yang ketiga.<sup>5</sup>

Menurut al-Attas, kekalutan dalam tradisi agama Kristian semakin rumit apabila persoalan yang paling penting dalam agama iaitu persoalan ketuhanan sendiri telah menjadi satu masalah besar kepada tradisi agama mereka.<sup>6</sup> Pengisytiharan angkuh ahli falsafah Barat, Friedrich Nietzsche bahawa ‘Tuhan telah mati’ hanyalah salah satu daripada bukti kekalutan tersebut. Laungan Nietzsche ini ternyata menjadi badai tsunami dalam tamadun Barat yang telah merubah seluruh bentuk peta keagamaan dan teologi tamadun mereka.<sup>7</sup> Richard Elliot Friedman memetik satu kritikan sinis terhadap Nietzsche yang sering digunakan sekitar tahun 70an melalui frasa:

“Tuhan telah mati” – Nietzsche diikuti dengan  
“Nietzsche telah mati” – Tuhan.<sup>8</sup>

Walau bagaimanapun, pengaruh teologi sekular ‘kematian Tuhan’ hasil pemikiran Nietzsche ternyata kuat dan mempengaruhi banyak aliran teologi moden Barat. Sesuatu yang malang bagi Agama Kristian, kata

---

<sup>3</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, 3.

<sup>4</sup> Harvey Cox, *The Secular City* (Princeton: Princeton University Press, 2013), 26-45.

<sup>5</sup> Ibid.

<sup>6</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, 8.

<sup>7</sup> Dipetik daripada Richard Elliot Friedman, *The Disappearance of God*, (USA: Little, Brown and Company, 1995), 145.

<sup>8</sup> Ibid.

al-Attas, apabila “misi mereka untuk merubah Dunia sebaliknya berakhir dengan kejayaan Dunia merubah Agama Kristian.”<sup>9</sup>

Tujuan al-Attas mengetengahkan latar belakang permasalahan yang berlaku dalam tradisi agama Kristian adalah sebagai ingatan kepada masyarakat Islam mengenai bahaya pengaruh yang bakal melanda mereka hasil daripada apa yang berlaku dalam tradisi agama Kristian. Pengaruh sekularisasi yang bermatlamat akhir penyisihan nilai-nilai kerohanian dan keagamaan daripada kehidupan dan perungkaian semua pandangan alam yang baku dan tetap, bukan sekadar menjadi musuh perosak kepada agama Kristian akan tetapi ia juga bakal menyerang semua agama termasuk agama Islam.

Ternyata dengan bantuan usaha penjajahan yang dilakukan ke atas negara-negara Islam dan kejayaan tamadun Barat mewariskan pengaruh pemikiran mereka melalui sistem pendidikan yang diterapkan dalam negara-negara jajahan mereka, mereka telah dapat melahirkan generasi yang kemudiannya berperanan melangsungkan usaha sekularisasi ke atas agama lain sebagaimana yang telah berjaya dijalankan ke atas agama Kristian.

Atas nama perubahan dan pembaharuan segolongan dalam kalangan Muslim yang diistilahkan oleh al-Attas sebagai mereka yang ‘kehilangan adab’ ini telah meniru perkara yang sama di Barat dengan meruntuhkan wibawa ilmu Islam yang sebenar, meletakkan kedudukan ilmu fardu kifayah sama seperti ilmu fardu ain dan dengan itu telah menyempurnakan proses yang diistilahkan oleh al-Attas sebagai ‘deislamisasi’ ke atas pemikiran masyarakat Islam.<sup>10</sup> Tanpa menyedari perbezaan nasib sejarah antara agama Kristian dan Islam, mereka ini yang terpukau dengan kemajuan Barat juga telah berusaha melakukan perkara yang sama pada agama Islam.

Misalnya, mereka telah mengelirukan istilah tajdid dalam Islam dengan istilah *reform* atau *protestantism* dalam agama Kristian, menyamakan institusi Gereja dengan institusi ulama, mengaitkan tradisi

---

<sup>9</sup> Al-Attas, *Islam and Secularism*, 5.

<sup>10</sup> Ibid.,124-126.

tafsir dengan tradisi hermeneutika Bible, mencanangkan pembebasan dalam kalangan wanita Islam sama seperti usaha emansipasi wanita yang ekstrem di Barat. Di tangan golongan ‘perubah’ ini akhirnya Islam juga sedikit sebanyak terpaksa berhadapan dengan masalah yang sama dengan tradisi agama Kristian. Mereka ini dapat ditamsilkan seperti burung bulbul dengan saudagar minyak dalam karya Mawlana al-Rumi, *al-Mathnawi* yang terkeliru dengan pengalamannya dengan pengalaman orang lain.<sup>11</sup>

Masalah utama masyarakat Islam sekarang, dilihat daripada latar masalah ini, bukanlah masalah kejahilan akan tetapi masalah kekeliruan yang melanda akibat pengaruh yang datang daripada tamadun Barat. Al-Attas secara berterusan menekankan bahawa masalah umat Islam sekarang ialah masalah kekeliruan dan kesilapan dalam ilmu. Masalah ini akhirnya mengakibatkan masalah kehilangan adab dalam masyarakat dan hasil daripada kedua-dua masalah di atas akan membawa kepada kelahiran pemimpin palsu yang mempunyai nilai *akhlākiyyah*, akliah dan kerohanian yang rendah dalam masyarakat.<sup>12</sup>

Sifat-sifat asasi kebudayaan Barat, menurut al-Attas, adalah berasaskan kepada falsafah keraguan, berpandukan faham humanisme dan dualisme serta berteraskan pandangan hidup yang tragik.<sup>13</sup> Falsafah keraguan yang mengasaskan segala hal ehwal keilmuan dengan dugaan dan sangkaan akal telah menyebabkan apa yang datang daripada agama ditolak dan dianggap sekadar mitos dan tahuyl. Sementara faham humanisme ialah falsafah yang mementingkan keupayaan manusia semata-mata dan penekanan hanya kepada kehidupan keduniaan. Faham dualisme pula merujuk kepada penduaan yang mutlak tentang hakikat termasuk hakikat kebenaran walaupun kedua-duanya bertentangan

---

<sup>11</sup> Jalal al-Din al-Rumi, *al-Mathnawi*, dipetik dalam R.A. Nicholson, *Tales of Mystic Meaning* (Oxford: Oneworld, 1995), 13-14. Kisah itu berkaitan dengan seekor burung bulbul yang pandai bercakap dan ditugaskan oleh tuannya untuk menjaga kedai menjual minyak wangi. Namun disebabkan ia telah menumpahkan salah satu botol minyak yang begitu mahal di kedai tersebut, ia telah dipukul oleh tuannya sehingga bulu bahagian hadapan kepalanya tercabut dan akibatnya burung itu tidak bercakap beberapa hari. Akhirnya burung itu kembali bercakap apabila melihat seorang botak lalu di hadapan kedai dengan bertanya, “adakah tuan juga menumpahkan minyak juga?”

<sup>12</sup> *Islam and Secularism*, 6.

<sup>13</sup> *Risalah untuk Kaum Muslimin*, 20-21.

antara satu sama lain. Antara penduaan yang dipegang oleh peradaban Barat termasuklah antara ruhani dan jasmani, antara perkara bersifat benda dan perkara yang tidak bersifat benda, antara Tuhan dan insan, antara agama, negara undang-undang dan akhlak.<sup>14</sup> Sementara pandangan hidup yang tragik merupakan pandangan yang menerima pengalaman kesengsaraan hidup manusia sebagai satu kepercayaan yang mutlak yang mempengaruhi peranan manusia dalam dunia hasil penolakan kebenaran yang datang daripada agama.<sup>15</sup> Sifat tragik peradaban Barat ini, menurut al-Attas, timbul daripada kehampaan kalbu akan nikmat iman sehingga menyebabkan mereka terus tenggelam dalam syak dan ketegangan jiwa dan berterusan dalam pencarian yang tidak akan berakhir.<sup>16</sup>

Kesemua ini mengakibatkan kebudayaan Barat telah menceraiakan agama daripada manusia dan melonggarkan peranannya terhadap kehidupan seharian. Kefahaman al-Attas yang begitu mendalam mengenai latar belakang, falsafah dan sejarah tamadun Barat membolehkan beliau membuat perbandingan yang tepat antara faham agama dalam Islam dengan Barat serta dapat mengetengahkan makna agama dalam Islam yang dapat difahami lebih mendalam berlatarbelakangkan masalah yang timbul.

## FAHAM AGAMA DALAM ISLAM

Berlatarbelakangkan masalah yang timbul di Barat dan tanggapan keliru yang diberikan oleh pemikir Barat terhadap agama, al-Attas menegaskan bahawa dalam Islam, agama bukan sekadar renungan akal. Ia juga bukan sekadar mitos dan kepercayaan tahuyl yang tidak jelas asal-usulnya, seperti yang difahami atau yang disalahfahami oleh orang-orang Barat. Agama dalam Islam adalah berasaskan Tanzil daripada Tuhan kepada insan yang dilangsungkan dengan perantaraan wahyu yang diturunkan kepada para Nabi dan Rasul-Nya bagi anutan setiap manusia.<sup>17</sup>

---

<sup>14</sup> Ibid. 20.

<sup>15</sup> Ibid., 20-21.

<sup>16</sup> Ibid. 21-22.

<sup>17</sup> Ibid., 28-9.

Yang dimaksudkan dengan Tanzil, menurut al-Attas, ialah sesuatu yang diturunkan melalui wahyu dan wahyu bukan satu *ru'yat* atau ilham yang kononnya mendatang secara tiba-tiba kepada seorang penyair dan seniman agung seperti yang disalahfahami oleh Barat. Tanzil ialah kata-kata Tuhan yang Maha Esa mengenai hakikat diri-Nya dan perkara-perkara lain yang penting dalam agama.<sup>18</sup> Penegasan makna Tanzil dan wahyu ini penting bagi memberi ingatan mengenai batasan agama yang tetap dan mutlak dipandu oleh wahyu agar ia tidak mudah-mudah diubah oleh kelompok yang rancak mencanangkan faham perubahan dalam agama. Falsafah perubahan yang telah bermula seawal zaman Yunani lagi terutama oleh golongan Sofis sememangnya menjadi ancaman abadi kepada nilai-nilai mutlak yang bukan sahaja dibawa oleh agama tetapi juga oleh ahli-ahli falsafah murni seperti Socrates, Aristotle dan Plato.

Malah, dalam konteks agama Islam, berdasarkan makna Tanzil yang diuraikan di atas, asas kemutlakan nilai-nilainya lebih kukuh berbanding teori-teori falsafah kerana ia datang daripada sumber yang mutlak dan jalan periyawatan yang mutawatir. Golongan liberalis agama harus diingatkan bahawa sekiranya agama Kristian gagal untuk mempertahankan kemutlakan nilai-nilai agama mereka, ia mungkin disumbangkan oleh masalah ketidakaslian sumber agama mereka ditambah dengan penyelewengan penguasa gereja dan kerancuan doktrin kepercayaan mereka. Namun dalam konteks agama Islam, sumber rujukan wahyu yang mutlak dan asli disokong dengan jalan periyawatan yang terpelihara tidak harus menyebabkan masyarakat Islam berkongsi krisis yang sama dengan apa yang berlaku dalam tradisi Kristian.

Ingatan al-Attas mengenai hakikat wahyu dan tanzil ini juga ditujukan kepada golongan yang cenderung menyamakan kebenaran semua agama dan menafikan keistimewaan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Kesatuan agama di peringkat *transcendent* (*munazzah*) seperti yang di dakwa golongan ini tak mungkin berlaku kerana agama bukan sahaja bertujuan untuk dialami dan diamalkan di

---

<sup>18</sup> Al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam* (Pulau Pinang: USM, 2007), 27.

peringkat tinggi, tetapi juga di peringkat wujud biasa di alam dunia.<sup>19</sup> Malah apa yang diketengahkan mengenai kesatuan agama yang merujuk kepada ketundukan kepada kuasa mutlak yang satu, kalaupun benar, itu hanyalah merujuk kepada pengesahan Tuhan di peringkat *Rabb* dan bukannya di peringkat *Ilah* yang lebih penting untuk diakui oleh penganut agama yang sebenar.<sup>20</sup> Selain itu, pandangan kesatuan agama ini sudah pasti bertentangan dengan banyak ayat-ayat al-Quran yang menegaskan tentang kebenaran mutlak agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW.

Justeru, berasaskan hakikat sejarah dan perbandingan dengan tradisi keagamaan yang lain, al-Attas menggarisbawahi satu kenyataan penting bahawa agama Islam adalah satu-satunya agama tanzilan yang asli daripada Tuhan<sup>21</sup> dan bukan buatan atau rekaan akliah manusia, atau hasil rekaan kebudayaan insan. Berbanding dengan sebahagian besar agama-agama lain di dunia yang banyak dipengaruhi oleh perkembangan budaya dan suasana lingkungan kehidupan manusia, Islam sebaliknya merupakan agama yang kekal tiada berubah. Malah Islamlah yang telah mempengaruhi kebudayaan dan memandunya sesuai dengan landasan dan undang-undang agama. Hakikat sejarah yang menunjukkan agama Islam kekal tidak berubah telahpun menjadi bukti bahawa ia merupakan tanzilan yang benar.

## MAKNA AGAMA

Keunikan al-Attas dalam menjelaskan makna agama berbanding dengan kebanyakan ilmuwan Islam yang lain juga terletak kepada caragaya dan kaedah yang digunakan dalam huraiannya. Dengan menggunakan kaedah semantik dan disokong oleh keistimewaan dan kekayaan sistem akar kata yang terdapat di dalam bahasa Arab yang membolehkan hubungan antara istilah yang timbul daripada akar kata yang sama

---

<sup>19</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 7.

<sup>20</sup> Ibid., 28-30.

<sup>21</sup> *Islam and Secularism*, 29.

dikenalpasti, al-Attas menghuraikan makna agama menerusi istilah-istilah yang terbit daripada akar kata yang sama dengan istilah *al-Din*.<sup>22</sup>

Di antara banyak makna, empat makna yang akhirnya membantu dalam menghuraikan dengan lebih lanjut makna agama dikenalpasti beliau iaitu keadaan berhutang (*al-dayn*), keadaan takluk menyerah diri (*adhalla wa ista'bada*), kuasa dan daya menghukum (*al-hukm wa al-sultān*) dan bawaan kecenderungan yang sedia ada dalam diri insan (*al-'adah wa al-sha'n*).<sup>23</sup> Keempat-empat makna ini dihuraikan oleh al-Attas dengan teliti dan mengaitkan antara satu dengan yang lain sehingga keseluruhan makna agama dapat dilihat sebagai satu kesatuan dan faham yang bersepada.

Ringkasnya, keadaan berhutang merujuk kepada hakikat diri insan yang datang ke dunia adalah dalam keadaan seluruh diri, budi dan dayanya bukanlah miliknya akan tetapi merupakan pemberian daripada Allah SWT. Seluruh manusia juga, seperti yang dirakamkan oleh al-Quran, telahpun mengikat perjanjian, mengangkat persaksian dan melakukan baiah untuk tunduk dan patuh kepada Allah SWT sebelum kedatangan mereka ke dunia ini.<sup>24</sup> Susulan daripada perjanjian ini dan ditambah dengan hakikat bahawa kewujudan mereka ke dunia ini semuanya dengan pemberian mutlak daripada Tuhan, manusia sesungguhnya benar-benar pasrah dan rugi (*khusr*) dalam perhutangan dengan Tuhan. Manusia harus kembali kepada Tuhan dan memulangkan segala-gala yang dimilikinya kepadaNya.

Bagi melaksanakan pembayaran hutangnya kepada Allah SWT apabila berada di dunia ini, manusia harus menyerahkan dirinya kepada Allah SWT dalam bentuk ketundukan dan penghambaan yang tulus

---

<sup>22</sup> Pendekatan semantik dan bahasa ini sememangnya telah mengakar dalam tradisi ilmu Islam seperti yang terlihat dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu kalam, ilmu fiqh, usul fiqh dan tafsir. Ia juga terbukti melalui kekayaan sumber linguistik melalui perkembangan perkamusian (*mu'jam*) yang bersifat mendalam dan meluas dalam tradisi ilmu Islam. Mengenai pendekatan semantik dalam ilmu kalam, lihat sebagai contoh Ibrahim BOR, "Two Main Linguistic and Semantic Approach in Islamic Theological Tradition," *Journalism and Mass Communication*, November 2015, Vol. 5, No. 11, 572-583; doi: 10.17265/2160-6579/2015.11.003

<sup>23</sup> *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, ms.5.

<sup>24</sup> Al-Quran, Surah al-A'raf, 172.

kepada-Nya. Mereka harus memulangkan diri mereka kembali ke keadaan asali mereka apabila mereka bersaksi di hadapan Allah SWT di hari Alastu.<sup>25</sup> Dalam perjalanan mereka untuk pulang kepada Tuhan, manusia juga dikawali dengan undang-undang yang ditentukan oleh Tuhan dan mereka akhirnya tertakluk kepada kuasa dan hukuman yang sediakan oleh Allah SWT yang menjadi Pemilik kepada segala yang ada. Ketundukan mereka kepada Allah SWT ini juga adalah sebenarnya fitrah dan kecenderungan asal mereka sebagaimana asal kejadian mereka sebelum diturunkan ke dunia. Fitrah menurut al-Attas ialah rencana yang membayangkan sifat tabii segala makhluk. Ia merupakan sunnatullah dan segala sesuatu itu dijadikan dengan sifat sempurna yang menepati rencana yang telah dijadikan baginya dan masing-masing diletakkan di tempatnya yang wajar.<sup>26</sup>

## **PERJANJIAN ASALI (*AL-MĪTHĀQ*) SEBAGAI ASAS KEWUJUDAN AGAMA**

Al-Attas telah menelusuri makna agama dengan lebih mendalam dan mendasarkannya dengan asas rohaniah yang lebih kukuh apabila beliau mengaitkan makna agama dengan Perjanjian Asali (*al-Mīthāq*) seluruh manusia dengan Allah SWT sebelum mereka dijadikan dalam bentuk jasmaniah ke dunia ini.<sup>27</sup> Menurut ayat Surah al-A'raf, ke-172 ini, telah berlaku satu perjanjian pra-kewujudan jasmani antara manusia dengan Allah SWT apabila Allah SWT telah mengeluarkan semua zuriat bani Adam dari belakang sulbi mereka (*min zuhūrihim*), meminta persaksian daripada setiap mereka tentang ketuhanannya, lantas mereka akur:

---

<sup>25</sup> Alastu merujuk kepada soalan yang ditanya oleh Allah SWT kepada semua manusia di hari persaksian tersebut, *Alastu bi rabbikum* ‘Bukankah aku Tuhan kamu?’

<sup>26</sup> *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, 21.

<sup>27</sup> Lihaturaian lebih lanjut mengenai pandangan Prof al-Attas mengenai Perjanjian Asali Mithaq Alastu dalam Mohd Farid Mohd Shahran, “Primordial Covenant as the Basis of Religion: The Qur’anic Mīthāq of Alastu According to Syed Muhammad Naquib Al-Attas,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15 No. 1 (June 2022): 1–22

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَيْنِ إِلَيْهِ آدَمَ مِنْ طُهُورِهِمْ دُرِّيَتْهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ  
أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُتُّ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا  
عَنْ هَذَا غَافِلِينَ

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari belakang mereka dan mengambil persaksian atas diri mereka seraya berkata, "Bukankah Aku Tuhan kamu?" Lantas mereka menjawab, "Bahkan, kami bersaksi," supaya kamu tidak berdalih pada hari Kiamat (dengan mengatakan) sesungguhnya kami tidak tahu menahu tentang hal ini.*<sup>28</sup>

Perjanjian di Hari Alastu yang menyaksikan semua manusia tunduk akur mengakui ketuhanan Allah SWT inilah yang merupakan asas yang paling kukuh dan awal kepada penghambaan manusia kepada Tuhan yang menjadi intipati kepada agama.<sup>29</sup> Matlamat agama tidak lain adalah untuk menyeru manusia kembali tunduk menghambakan diri dan mengangkat persaksian tentang ketuhanan Allah SWT sebagaimana yang telah diisbatkan manusia ketika melakukan Perjanjian Asali. Asas agama, dilihat dari sudut ini, bukan bermula ketika kelahiran manusia di dunia, akan tetapi telah bermula seawal berlakunya perjanjian tersebut di alam rohaniah.

Agama juga bukan sekadar terbina di atas asas undang-undang dan kenegaraan sebagaimana yang ditekankan oleh sekelompok masyarakat Islam akan tetapi lebih mendalam lagi ia berasaskan perjanjian kerohanian manusia dengan Tuhannya. Ini sesuai dengan kejadian manusia yang bertunjangkan aspek rohaniah yang lebih kekal berbanding dengan aspek jasmaniah yang serba sementara. Dengan menekankan perbahasan Perjanjian Asali (*al-Mīthāq*) ini sebagai landasan kepada kehidupan beragama, al-Attas juga, seperti yang diamati oleh Wan Mohd Nor, merupakan satu-satunya pemikir Islam

<sup>28</sup> Surah *al-A'raf*, 7: 172.

<sup>29</sup> Seperti yang tergambar dalam ayat "Tidak aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk mereka beribadat kepada ku." Surah al-Dhariyat: 56.

semasa yang telah membawa faham *al-Mīthāq* ke tengah-tengah perbahasan mengenai agama.<sup>30</sup>

Dalam kalangan ilmuwan tradisi antara yang telah membawa perbahasan *al-Mīthāq* ialah Junaid al-Baghdadi. Menurut Junaid, kewujudan manusia pada ketika *al-Mīthāq* adalah merupakan kewujudan yang paling tinggi, terbaik dan sempurna. Ini kerana kewujudan ini merupakan kewujudan bersama Tuhan dan merupakan kewujudan yang asal. Oleh yang demikian, matlamat kehidupan manusia di dunia ini akhirnya adalah untuk kembali ke keadaan di hari Alastu kerana ia adalah fitrah sebenar manusia.<sup>31</sup>

Perjanjian Asali ini juga penting sebagai dasar kepada kehidupan beragama kerana ia merupakan cerminan kepada hakikat asal dan fitrah kejadian manusia. Seiringan dengan itu, makna hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa setiap anak yang lahir dilahirkan dalam keadaan fitrah, bukan sekadar merujuk kepada fitrah yang bersih, akan tetapi juga merujuk kepada fitrah asalnya yang telahpun mengangkat persaksian mereka terhadap *rubūbiyyah* Tuhan. Demikianlah juga makna penyataan yang mengatakan bahawa Islam sebagai agama fitrah, ia merujuk kepada hakikat bahawa Islam mengajak manusia kembali kepada fitrah asal manusia yang telahpun melakukan perjanjian dengan Tuhan.

Dengan mengaitkan agama dengan Perjanjian Asali ini juga, asas persaudaraan sesama orang-orang beriman dapat dirujuk kepada asas yang lebih kukuh iaitu persaudaraan yang telah terjalin sejak dari alam rohaniah ketika semua manusia secara bersama dan bersaudara mengatakan “Bahkan, Kami mengangkat saksi.”<sup>32</sup> Persaudaraan ini menjangkau bentuk persaudaraan yang bersifat kemasyarakatan seperti yang diketengahkan oleh ahli-ahli sosiologi atau persaudaraan yang bersifat politik.

<sup>30</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization* (Kuala Lumpur: ISTAC:1989), 51.

<sup>31</sup> Ali Hassan Abdel Kader, *The Life, Personality and Writings of al-Junayd*, (London: Luzac & Company, 1976), 76.

<sup>32</sup> Surah *al-A'raf*, 7: 172.

## PENJELMAAN KEHIDUPAN BERAGAMA

Penjelmaan agama menurut al-Attas berlaku dalam dua bentuk, '*alam kabīr (macrocosmic)* yang merujuk kepada ketundukan sekalian alam dan manusia kepada Tuhan dan juga '*alam saghīr (microcosmic)* yang merujuk kepada ketundukan jiwa haiwani manusia kepada jiwa akli atau rohani.<sup>33</sup> Penjelmaan agama dalam bentuk '*alam saghīr* ini adalah lebih asasi kerana ia menjadi prasyarat kepada keharmonian agama dalam bentuk yang lebih besar. Sifat ketundukan manusia kepada Tuhan yang bersifat persendirian juga menyokong hakikat bahawa agama dalam bentuk '*alam saghīr* ini lebih penting. Berapa ramai manusia yang bercakap mengenai agama dalam bentuk kenegaraan akan tetapi gagal untuk membina agama dalam bentuk kerajaan kecil dalam dirinya. Justeru, keharmonian '*alam saghīr* akan pasti membawa kepada keharmonian '*alam kabīr*.

Huraian ini bersesuaian dengan penjelasan agama mengenai erti khalifah dalam Islam. Khalifah adalah amanah yang telah diberikan Allah SWT kepada manusia untuk memerintah dan mengawal dengan adil dunia ini. Bahawa khalifah juga terjelma dalam dua bentuk iaitu khalifah dalam erti pentadbiran manusia ke atas alam ini yang merujuk kepada pemerintahan politik dan yang lebih penting di peringkat yang lebih asas ialah pemerintahan dan pentadbiran manusia ke atas dirinya sendiri, pentadbiran diri rohaninya ke atas diri jasmaninya.

Faham agama dalam Islam adalah perlambangan kepada kebebasan manusia berbanding dengan pandangan Barat yang mengaitkan agama dengan keterikatan yang membelenggu dan memaksa. Dalam Islam ketundukan manusia kepada Tuhan adalah dengan kerelaan mereka hasil daripada pengakuan mereka terhadap kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Inilah kebebasan sebenar. Kebebasan, menurut al-Attas ialah apabila manusia bekerja, berbuat dan bertindak menurut kehendak sifat asali atau tabiat hakiki mereka. Ini kerana pekerjaan, perbuatan dan tindakan yang dianjurkan oleh sifat asali insan itu akan membawanya kembali semula ke darjah diri hakikinya dan demikian itu adalah perbuatan yang membebaskan diri daripada

---

<sup>33</sup> *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, 35-36.

belenggu *haywāniyyah* dan penjara kefanaan dan membawa dia pulih kepada pengenalan dirinya yang hak yang sentiasa mengikrarkan Hak Taala.<sup>34</sup>

## KESIMPULAN

Agama adalah penyerahan dan mengembalian diri insan kepada Tuhan-Nya dalam erti kata yang sebenar sesuai dengan kehendak dan cara kaedah yang dianjurkan oleh Tuhan dan fitrah keinsanan manusia. Berasaskan daripada makna ini, agama Islam yang dari segi istilah dan intisarinya menggambarkan makna di atas merupakan penjelmaan dan takrifan sebenar agama. Dari segi sejarah, Islam, yang berdasarkan tanzilan daripada Tuhan telahpun sempurna sejak dari awal justeru tidak memerlukan perubahan dan pembangunan. Kekuatan inilah yang menjadikan agama Islam terus teguh menghadapi aliran sekular yang sentiasa menggugat dan menggasak ke arah perubahan nilai-nilai yang mutlak. Al-Attas melalui huraianya mengenai makna agama telah menjelaskan ciri-ciri agama di atas melalui pendekatan yang sistematik mengenai hubungan yang rapat antara agama dengan sumber wahyu yang tetap sehingga menjadikan dasar agama dalam Islam bersifat kukuh. Al-Attas juga menggunakan pendekatan linguistik dan semantik bagi menunjukkan hubungan antara satu makna dan makna yang lain dalam akar kata yang sama. Hubungan makna ini diperkuatkan lagi melalui asas keruhanian dan ketundukan insan yang telah bermula sejak Perjanjian Asali antara seluruh anak Adam dengan Allah SWT sebelum kedatangan mereka ke dunia ini (*Mīthāq Alastu*). Kesemua penjelasan ini menjadikan asas terhadap kefahaman agama bertambah kukuh dan sekiranya dipertahankan akan mampu untuk berhadapan dengan kekeliruan faham agama terutamanya yang datang dari peradaban Barat.

---

<sup>34</sup> Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak, 22.

## RUJUKAN

- Ali Hassan Abdel Kader, *The Life, Personality and Writings of al-Junayd*. London: Luzac & Company, 1976.
- Harvey Cox, *The Secular City*. Princeton: Princeton University Press, 2013.
- Jalal al-Din al-Rumi, *al-Mathnawi*, terjemahan R.A. Nicholson, Tales of Mystic Meaning. Oxford: Oneworld, 1995.
- Mohd Farid Mohd Shahran, “Primordial Covenant as the Basis of Religion: The Qur’ānic Mīthāq of Alastu According to Syed Muhammad Naquib Al-Attas,” *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 15 No. 1 (June 2022): 1–22
- Richard Elliot Friedman, *The Disappearance of God*. USA: Little, Brown and Company, 1995.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Ta’dib International, 2019.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Ta’dib International, 2019.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 2001.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: USM, 2007.
- Wan Mohd Nor Wan Daud, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An Exposition of the Original Concept of Islamization*. Kuala Lumpur: ISTAC:1989.